

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA**

**MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 25 TAHUN 1973**

**PENYELARASAN GAJI BAGI GURU-GURU UGAMA SEMENTARA  
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DALAM PERKHIDMATAN  
PELAJARAN YANG MEMILIKI IJAZAH-IJAZAH SARJANA  
SASTERA ATAU SARJANA MUDA SASTERA DARI UNIVERSITI  
AL-AZHAR/KAHIRAH ATAU SIJIL TERTINGGI KOLEJ ISLAM,  
MALAYA**

Berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Aziz melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 tahun 1971, kedudukan Guru-guru Ugama Islam Sementara di Sekolah-sekolah Menengah dalam Perkhidmatan Pelajaran yang memiliki Ijazah-ijazah Sarjana Sastera atau Sarjana Muda Sastera dari Universiti Al-Azhar/Kahirah atau Sijil Tertinggi Kolej Islam, Malaya adalah seperti berikut:

- (a) Guru-guru Ugama Sementara yang memiliki Sijil Tertinggi Kolej Islam, Malaya serta samada mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau tidak, telah ini ditempatkan:
  - (i) ke dalam tanggagaji/kategori C2 ( $\$310 \times 30-370$ /Sekatan Percubaan/  $400 \times 30-550$ /Sekatan Kecekapan Pertama/ $580 \times 30-700$ /Sekatan Kecekapan Kedua/ $730 \times 30-880$ /Sekatan Kekosongan) jika mereka mempunyai Latihan Perguruan; dan
  - (ii) ke dalam tanggagaji/kategori C4 ( $\$230 \times 20-270$ ) jika mereka tidak mempunyai Latihan Perguruan.
- (b) Guru-guru Ugama Sementara yang memiliki Sijil Tertinggi Kolej Islam, Malaya serta mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia telah ditempatkan:
  - (i) ke dalam tanggagaji/kategori C1 ( $\$430 \times 30-490$ /Sekatan Percubaan/ $520 \times 30-670$ /Sekatan Kecekapan Pertama/ $700 \times 30-820$ /Sekatan Kecekapan Kedua/ $850 \times 30-1,000$ /Sekatan Kekosongan) jika mereka mempunyai Latihan Perguruan; dan
  - (ii) ke dalam tanggagaji/kategori C3 ( $\$350 \times 25-400$ ) jika mereka tidak mempunyai Latihan Perguruan.
- (c) Guru-guru Ugama Sementara yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera atau Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Al-Azhar/Kahirah telah ditempatkan:
  - (i) ke dalam tanggagaji/kategori D3 ( $\$640 \times 40-720$ /Sekatan Percubaan/ $760 \times 40-960$ /Sekatan Kecekapan/ $1,000 \times 50-1,200$ /Sekatan Kekosongan) jika mereka mempunyai Latihan Perguruan; dan
  - (ii) ke dalam tanggagaji/kategori D6 ( $\$520 \times 40-600$ ) jika mereka tidak mempunyai Latihan Perguruan.

2. Adalah diputuskan bahawa mulai daripada 1hb Januari, 1970 Guru-guru Ugama yang disebutkan dalam perenggan 1 (a), (b) dan (c) di atas, akan ditempatkan semula ke dalam kategori/tanggagaji seperti berikut:

- (i) Guru-guru Ugama dalam perenggan 1 (a) (i) dan 1 (b) (i) akan ditempatkan ke dalam kategori/tanggagaji D3 (\$640×40-720/Sekatan Percubaan/760×40-960/Sekatan Kecekapan/1,000×50-1,200/Sekatan Kekosongan);
- (ii) Guru-guru Ugama dalam perenggan 1 (a) (ii) dan 1 (b) (ii) akan ditempatkan ke dalam Kategori/Tanggagaji D6 (\$520×40-600);
- (iii) Guru-guru Ugama dalam perenggan 1 (c) (i) yang memiliki Sarjana Muda Sastera dan Diploma Pendidikan akan ditempatkan ke dalam kategori/tanggagaji D2 (\$700×50-800/Sekatan Percubaan/850×50-1,050/Sekatan Kecekapan Pertama/1,150×50-1,300/Sekatan Kecekapan Kedua/1,350×50-1,550);
- (iv) Guru-guru Ugama dalam perenggan 1 (c) (ii) yang memiliki Sarjana Muda Sastera tanpa Diploma Pendidikan akan ditempatkan ke dalam kategori/tanggagaji D5 (\$600×50-650);
- (v) Guru-guru Ugama dalam perenggan 1 (c) (i) yang memiliki Sarjana Sastera dan Diploma Pendidikan akan ditempatkan ke dalam kategori/tanggagaji D1 (\$800×50-850/Sekatan Percubaan/950×50-1,150/Sekatan Kecekapan Pertama/1,300×50-1,500/Sekatan Kecekapan Kedua/1,600×100-1,800/Sekatan Kekosongan);
- (vi) Guru-guru Ugama dalam perenggan 1 (c) (ii) yang memiliki Sarjana Sastera tanpa Diploma Pendidikan akan ditempatkan dalam kategori/tanggagaji D4 (\$700×50-750).

3. Sayugia dimaklumkan bahawa penyelarasan gaji yang dinyatakan di perenggan 2 di atas adalah terhad kepada Guru-guru Ugama yang sedang berkhidmat dan yang telah membuat pilihan sendiri untuk memasuki ke dalam Perkhidmatan Pelajaran menurut perbekalan-perbekalan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 tahun 1971.

4. Berikutan dengan keputusan dalam perenggan 2 di atas, Lampiran "B" dan "C" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 tahun 1971 adalah dipinda seperti berikut:

*Lampiran B—*

- (i) Potong kelulusan "Sijil Tertinggi—Kolej Islam Malaya serta Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.); atau" dibutiran (h) di bawah kategori/tanggagaji C1 dalam ruangan (3) mengenai "Kelulusan Akademik/Iktisas";
- (ii) Potong kelulusan "Sijil Tertinggi—Kolej Islam Malaya; atau" di butiran (b) di bawah kategori/tanggagaji C2 dalam ruangan (3) mengenai "Kelulusan Akademik/Iktisas".

(iii) Kelulusan-kelulusan di butiran (a), (b) dan (c) di bawah kategori/tanggagaji D3 dalam ruangan (3) mengenai "Kelulusan Akademik/Iktisas" adalah dibatalkan dan digantikan dengan kelulusan-kelulusan yang berikut:

"(a) Sijil Tertinggi Kolej Islam, Malaya; atau

(b) Ijazah-ijazah Universiti Seberang Laut yang tidak sama taraf dengan Ijazah-ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya, tetapi pemilik-pemiliknya diterima oleh Universiti Malaya atau Universiti-universiti Seberang Laut yang diakui seperti London Universiti atau Universiti-universiti di Amerika Syarikat bagi maksud melanjutkan pelajaran di peringkat lulusan ijazah dalam jurusan Akademik/Iktisas tidak termasuk Diploma Pendidikan."

*Lampiran C—*

Sifir-sifir Pemindahan dalam Jadual-jadual Bilangan 130, 131, 132, 133, 134, 135, 136, 137 dan 138 adalah dibatalkan dan digantikan dengan Sifir-sifir Pemindahan yang disertakan bersama-sama Pekeliling Perkhidmatan ini sebagai Lampiran "A".

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
BANGUNAN U.M.B.C.,  
KUALA LUMPUR,  
*19hb September, 1973*